

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH: 10 MAR 2012

# Pejabat lebuhraya kini jadi stor JKR

UM 10/3/2012 m/s 22

ANTARA peninggalan lebuhraya bertol pertama yang dapat disaksikan hari ini adalah bangunan setingkat yang pernah menjadi pejabat pengendali lebuhraya berkenaan.

Terletak kira-kira 10 kilometer dari Tanjung Malim, bangunan itu kini diambil alih Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk dijadikan stor jabatan itu.

Selain itu, turut kelihatan papan tanda lorong motosikal, lampu limpah dan laluan pejalan kaki pekerja, sekali gus membuktikan kewujudan lebuhraya di kawasan itu satu ketika dahulu.

**Mohd. Yusop Harun**, yang bertugas sebagai pemandu di JKR Tanjung Malim berkata, beberapa bahagian baru telah dibina di tepi

bangunan asal tersebut khususnya untuk meletak kenderaan.

“Bangunan asal seperti pintu masuk utama, bilik solat, almari besi, peti besi dan sebagainya yang pernah menjadi milik pejabat lebuhraya masih tersimpan di sini. “Barang lain banyak telah dilupuskan dan hanya beberapa tanda jalan dapat dilihat sehingga ke hari ini dan ia menjadi saksi kepada kewujudan pejabat dan pondok tol di jalan ini satu ketika dahulu,” katanya yang ditemui baru-baru ini.

Yusop berkata, pejabat lebuhraya itu telah melalui banyak perubahan daripada pejabat yang terletak di atas plaza tol sehingga dipindahkan ke tepi jalan.

Katanya, mungkin generasi

muda tidak mengetahui kewujudan lebuhraya di kawasan itu tetapi bagi penduduk sekitar kawasan ini, ia adalah memori indah buat mereka.

Dia masih ingat bagaimana kawasan pejabat tersebut berfungsi sebagai pejabat tol sebelum JKR mengambil alih bangunan tersebut hingga ke hari ini.

Menurutnya, dahulu kawasan di kiri dan kanan lebuhraya tersebut masih kosong tanpa sebarang pembangunan dan kawasan rehat juga belum dibina.

Selepas penutupannya pada 1994 kawasan ini berubah wajah menjadi destinasi persinggahan pemandu lori dan orang ramai menjamu selera dan berehat.



**MOHD. Yusop Harun (kanan) bersama seorang pengawal di hadapan bangunan stor JKR di Slim River yang menjadi pejabat plaza tol lebuhraya pertama negara.**

an filel - portl men